

Sinar Harian 19/4/2018 mls 11

Nekmat kesal DAP terus main isu ECRL

SHAH ALAM - Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) kesal dengan kenyataan DAP di media sosial yang secara terus menerus memainkan isu pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) bagi memberi kemudahan logistik antara Pantai Barat dan Pantai Timur.

Pengerusi Nekmat, Ahmad Rudin Hussain berkata, memandangkan Tok Bali, Kelantan merupakan salah satu kompleks perikanan yang mendaratkan kuantiti ikan tinggi, cadangan pembinaan stesen ECRL di daerah tersebut secara langsung menambah baik kemudahan logistik sedia ada.

"Justeru, pengoperasian ECRL akan merancakkan logistik produk perikanan antara Pantai Timur dan Pantai Barat ter-

masuk Kuala Lumpur.

"Sebelum ini, sebahagian ikan dibawa ke Thailand kerana kos pengangkutan yang lebih murah dan mengambil masa lebih cepat berbanding ke Pantai Barat dan Lembah Klang," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, ECRL bukan hanya tertumpu untuk industri perikanan semata-mata, malah ia merangkumi aspek komoditi pertanian yang lain.

"ECRL yang akan dibina akan menjadi nadi penghubung antara Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Oleh yang demikian, semua pihak perlu memberi sokongan terhadap projek ini yang telah dirancang oleh pihak Kerajaan," katanya.